



TOKIO MARINE  
INSURANCE GROUP

Headline	Tokio Marine lancar jenama baharu		
MediaTitle	Sinar Harian		
Date	08 Apr 2015	Language	Malay
Circulation	40,000	Readership	120,000
Section	Bisnes	Page No	17
ArticleSize	127 cm <sup>2</sup>	Journalist	N/A
PR Value	RM 5,795		



## Tokio Marine lancar jenama baharu

**TOKIO** Marine memperkenalkan identiti korporat baharunya, Tokio Marine Insurance Group yang menggabungkan semua syarikat insurans hayat dan bukan hayat miliknya di Malaysia.

Dalam satu kenyataan, Tokio Marine berkata, penjenamaan semula itu mencerminkan komitmen syarikat untuk menyediakan satu platform pemasaran bersepadau yang berfungsi sebagai pembekal insurans komprehensif bagi memenuhi pelbagai keperluan pelanggan.

"Tokio Marine menyokong aspirasi pelanggan bersandarkan pendekatan pragmatik dan bermatlamatkan usaha memperibadikan pencapaian. Komitmen Tokio Marine untuk memacu pencapaian pelanggan dicerminkan melalui 'Arc of Progress'.



Kakitangan Tokio Marine memperkenalkan komputer riba dan tablet yang dilihamkan oleh warna korporat baharu mereka.

"Ini menandakan satu lagi pencapaian penting dalam sejarah Tokio Marine menjangkau lebih 65 tahun di Malaysia, di samping mengukuhkan penyatuan perniagaan kami," katanya.

Syarikat juga melancarkan laman web baharunya, [tokio-marine.com](http://tokio-marine.com), memaparkan

warna jenama baharunya untuk memudahkan pelanggan, rakan niaga dan ejennya mengakses maklumat.

Tokio Marine Life Insurance Malaysia Bhd dan Tokio Marine Insurans (Malaysia) Berhad merupakan ahli syarikat Tokio Marine Holdings, Inc dari Jepun.